

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bantuan persekolahan yang diberi kepada murid atau pelajar Orang Asli apabila mereka memulakan sesi persekolahan atau pengajian di institusi pengajian tinggi IPTA atau IPTS, samada dalam bentuk kewangan atau '*materiel*'.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L  
PONNUSAMY,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dengan melaksanakan beberapa inisiatif tindakan ke arah memberi bantuan persekolahan kepada murid atau pelajar Orang Asli bagi meningkatkan kualiti hidup dengan pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi sama ada Dalam Negara mahupun di Luar Negara. Di antara jenis bantuan persekolahan tersebut , iaitu :

- i) Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kepada murid Orang Asli peringkat sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan seperti pembiayaan perkhidmatan kontrak pengangkutan murid, wang saku murid sekolah menengah, bayaran yuran pelbagai persekolahan, perkhidmatan catuan makanan pedalaman, keperluan diri murid asrama, dan lain-lain lagi ;

- ii) Program motivasi pendidikan dan peperiksaan kepada murid-murid Orang Asli seperti Jom Ke Sekolah, Program Intensif Kecemerlangan Peperiksaan, Program Pecutan Peperiksaan, dan lain-lain lagi ;
- iii) SBGP JAKOA ini juga kepada pelajar atau mahasiswa/i Orang Asli peringkat pengajian Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Universiti Awam (UA) dan IPT Swasta Dalam Negara seperti bantuan kewangan pendidikan IPT JAKOA yang meliputi yuran pengajian, yuran sara hidup, yuran alatan/buku pengajian, bantuan urusan tiket penerbangan bagi pendaftaran awal pengajian dan tamat pengajian di IPTA/UA serta elaun makan/minum pelajar IPTS Dalam Negara sahaja.
- iv) bantuan Kelas Intensif dan Bimbingan Persediaan kepada calon-calon Pelajar Orang Asli yang akan melanjutkan pengajian ke IPT Luar Negara di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) JAKOA-MARA. Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan membantu bagi menyediakan kemudahan pinjaman boleh ubah kepada pelajar Orang Asli PILN yang layak dan berjaya di peringkat kelulusan oleh pihak MARA.
- v) melaksanakan Program Halatuju Murid Orang Asli lepasan calon SPM & STPM anjuran JAKOA sebagai medium penerangan berpusat bagi kemasukan ke IPT Dalam Negara dan Luar Negara di mana penglibatan kerjasama dengan pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) KPM, MARA, Politeknik, UiTM dan beberapa IPT yang lain.
- vi) Program Pra Pendidikan Tinggi (Orang Asli) [dahulunya dikenali sebagai Program Mengubah Destini orang Asli (MDOA)] oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) kolaborasi strategik dengan pihak JAKOA.

Sekian, terima kasih.